

# Tarikh serah Misuari belum ditetapkan

UM 26 NOV 2001

Oleh  
**NAZERI NONG SAMAH**

**K**OTA KINABALU 25 Nov. — Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, Malaysia belum menetapkan tarikh untuk menyerahkan Gabenor Wilayah Autonomi Islam Mindanao, Nur Misuari ke Filipina.

Menurut Timbalan Perdana Menteri, perkara itu sedang dirunding dengan Filipina supaya ia dapat dikendalikan mengikut pendekatan ASEAN dan peraturan negara masing-masing.

“Lagipun Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad juga se-

malam telah membuat kenyataan mengenai Nur Misuari ini,” katanya pada sidang akhbar sempena lawatan kerja parti selama dua hari ke Sabah di Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu di sini, semalam.

Semalam Dr. Mahathir berkata, Malaysia tidak bersedia memberi perlindungan politik kepada Nur Misuari dan para pengikutnya.

“Ini adalah perkara dalam Filipina. Malaysia tidak harus campur tangan dengan memberi perlindungan kepada pemberontak dari negara lain,” kata Perdana Menteri.

Mengenai lokasi Nur Misuari ditempatkan selepas ditangkap bersama enam pengikutnya di perairan Sabah, dekat Sandakan pada awal pagi kelmarin, Abdullah berkata, beliau tidak mengetahuinya.

Beliau diminta mengulas spekulasi bahawa Nur Misuari telah dibawa dari Sandakan ke Kota Kinabalu, kemudian dipercayai diterbangkan ke Kuala Lumpur untuk diserahkan kepada Kedutaan Filipina.

Nur Misuari telah ditangkap oleh polis Malaysia bersama enam pengikutnya di Pulau Jampiras, di perairan Sabah

kira-kira 30 minit perjalanan bot dari Sandakan kerana memasuki negara ini secara haram pada pukul 3.30 pagi kelmarin.

Nur Misuari dan pengikutnya yang melarikan diri dari buruan tentera Filipina itu dipercayai dalam usaha untuk mendapatkan suaka politik di Malaysia.

Beliau mengisytiharkan perang kepada kerajaan Filipina pada 19 November lalu kerana kecewa dengan tindakan Manila yang menghalang jawatan sebagai Gabenor Wilayah Autonomi Islam Mindanao (ARMM).